

13 SEP 1998

Komanwel-Rangkuman

REKOD DUNIA DIPECAHKAN PADA SUKAN KOMANWEL KE-16

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Satu rekod renang dunia dipecahkan dan tuan rumah Malaysia mendapat pingat emas pertama dalam acara tenpin boling pada hari ketiga Sukan Komanwel ke-16, di sini, hari ini.

Pasukan renang gaya bebas lelaki 4 X 200m Australia terdiri daripada Ian J. Thorpe, D.S Kowalski, Mathew Dunn and Michael Klim melakukan sensasi apabila memecahkan rekod dunia itu dengan masa 7:11.86 untuk mengatasi 0.09 saat daripada rekod lama 7:11.95s yang dibuat oleh pasukan Rusia pada Sukan Olimpik Barcelona 1992 melalui perenang Dimitri Lepikov, Vladimir Psyshnenko, Veniamin Tayanovich dan Evgeni Sadovyi. Kejayaan itu juga membolehkan Australia mengutip sejumlah 13 emas hari ini.

Malaysia memperolehi kecemerlangan itu apabila pasukan tenpin boling lelaki mengenyahkan cabaran Bermuda untuk merebut emas pertama.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berada di Pyramid Bowl Bandar Sunway, apabila Malaysia memperolehi emas pertamanya itu.

Di akhir pungutan pingat hari ini, Malaysia menduduki tempat keempat dengan satu emas, tiga perak dan satu gangsa.

Australia mendahului negara lain dengan 13 emas, tujuh perak dan tujuh gangsa, manakala England tempat kedua dengan empat emas, lima perak dan tiga gangsa.

Kanada, tempat ketiga dengan dua emas, tiga perak dan tujuh gangsa.

Seorang pemain, ketua pasukan ragbi Tonga, Taani Afu, telah dibuang padang kerana bermain kasar ke atas pemain New Zealand.

Esok, 16 pingat akan menjadi rebutan, lima dalam acara akuatik, empat menembak, dua badminton, dua tenpin boling, dua gimnastik dan satu ragbi.

Pertandingan ragbi akan berakhir esok dan pertandingan bola jaring bermula di Stadium Juara, Bukit Kiara.

--BERNAMA

/ZB